



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/04/51 (HQ)

### KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN ELEKTRIK (KKKE) PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menganjurkan Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik (KKKE) Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya pada hari ini. Ia dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Rusni Ab Jalil.

“Pelaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaian,” Kata Naib Presiden (Pembahagian) TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

Kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik.

“Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik,” katanya dalam ucapan aluan tersebut.

Turut hadir adalah Pengarah Kawasan (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya), Suruhanjaya Tenaga, Ir. Mustapha Abu Bakar, Pengurus Besar, (Putrajaya dan Cyberjaya), Bahagian Pembahagian TNB, Dato’ Zulkifli Ab Rahaman dan Pengurus Besar Stesen Janakuasa Putrajaya, Bahagian Penjanaan TNB, Syed Zainal Abidin Jamalullil Syed Mahadzar.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2008, seramai 10,000 orang guru dan pelajar dari 2,000 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Semenanjung telah terlibat dengan program KKKE ini.

Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, seramai 280 orang pelajar dan guru pengiring daripada 11 buah sekolah menyertai kempen tersebut pada tahun ini.

**Dikeluarkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya, pada 28 April 2015**

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Darmilatul 019-2192434, atau  
En. Amiza Mohd Aris 019-2136320